

## KENYATAAN AKHBAR

### Untuk siaran segera

#### PELAKSANAAN KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA

**KUALA LUMPUR, 25 Februari 2016** – Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) ingin memaklumkan bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan pembayaran tol, kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya akan dilaksanakan di 21 buah plaza tol bagi 5 lebuhraya berikut bermula dari **2 Mac 2016 (Rabu), jam 12.00 tengahari**.

Plaza tol yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Plaza Tol Awan Besar, Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
  2. Plaza Tol Sunway, Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
  3. Plaza Tol Kemuning, Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
  4. Plaza Tol Bukit Kiara, Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)
  5. Plaza Tol Damansara, Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)
  6. Plaza Tol Pantai, Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)
  7. Plaza Tol Elmina, Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)
  8. Plaza Tol Lagong, Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)
  9. Plaza Tol Bukit Jelutong, Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)
  10. Plaza Tol Ampangan, Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)
  11. Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)
  12. Plaza Tol Semenyih, Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)
  13. Plaza Tol Pajam, Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)
  14. Plaza Tol Mantin, Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)
  15. Plaza Tol Setul, Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)
-



16. Plaza Tol Ijok, Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (LATAR)
17. Plaza Tol Kuang Timur, Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (LATAR)
18. Plaza Tol Kuang Barat, Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (LATAR)
19. Plaza Tol Kundang Timur, Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (LATAR)
20. Plaza Tol Kundang Barat, Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (LATAR)
21. Plaza Tol Templer, Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (LATAR)

Dengan pelaksanaan kutipan tol secara elektronik ini, pengguna lebuhraya perlu menggunakan sama ada kad Touch 'n Go atau SmartTAG untuk melakukan transaksi bayaran tol di plaza-plaza tol berkenaan. Kad-kad Touch 'n Go kini diberikan secara percuma di plaza tol-plaza tol yang berkenaan. Pengguna hanya perlu membayar nilai kredit yang ditetapkan untuk memiliki kad tersebut.

Untuk melancarkan operasi di kesemua plaza tol, pihak konseksi lebuhraya terbabit akan memastikan kemudahan Lorong Tambah Nilai dan penjualan kad Touch 'n Go di lorong beroperasi 24 jam serta kakitangan akan ditempatkan di lorong bagi membantu pengguna jika terdapat sebarang isu yang dihadapi.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui kesemua plaza tol ini bagi perjalanan yang lancar ke destinasi yang dituju.

Untuk maklumat lanjut, disertakan lampiran berbentuk maklumat berhubung kemudahan dan penambahbaikan yang dijalankan oleh pihak konseksi lebuhraya yang terbabit.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan sistem ini boleh menghubungi *hotline* LEKAS (1-800-88-8021), KESAS (03-5633 7188), SPRINT (03-7494 7333), GCE (1-300-88-0035), dan LATAR (03-6145 1515).